



## TATKALA KHILAFAH BERDIRI DI SYRIA...

Setakat ini, sudah berbelas-belas brigade yang sedang menghadapi rejim Bashar di Syria telah bersumpah akan menegakkan Khilafah di bumi Syam itu. Bukan setakat itu, mereka juga menguatkan sumpah mereka bahawa mereka menolak apa sahaja bentuk negara selain Khilafah seperti negara demokrasi, republik, sivil, sekular dan seumpamanya dan mereka menolak campur tangan Amerika Syarikat (AS) dan lain-lain negara kuffar serta menolak *Coalition* dan *Council* yang dilantik oleh AS. Kesemua brigade tersebut ditubuhkan atas dasar Islam dan tidak ada satu pun yang ditubuhkan atas dasar demokrasi. Mereka berjuang atas nama Islam (Allah dan Rasul) dan tidak ada satu pun yang berjuang atas nama demokrasi. Pihak yang menginginkan demokrasi di Syria adalah AS dan ejen yang dilantik AS dalam *Coalition* dan *Council* untuk menggantikan Bashar. Hal inilah sebenarnya yang telah menjadi ketakutan utama kepada AS, Rusia dan sekutu serta ejen mereka, yakni berdirinya Negara Khilafah dan bukannya negara demokrasi, di Syria.

Bagi mereka yang yakin bahawa Khilafah akan berdiri, beberapa persoalan mungkin masih bermain di minda masing-masing iaitu sekiranya Khilafah berdiri di Syria nanti, dapatkah Khilafah bertahan dari serangan dan gempuran musuh yang saat ini sedang mengawasi dan mengelilingi Syria? Bagaimanakah pula dengan negeri-negeri yang berjiran dengan Syria, apakah para penguasa di negeri-negeri tersebut akan terus bergabung atau akan terus menentang Khilafah? Sekarang ini pun (tatkala Khilafah masih belum berdiri), kita telah pun melihat bagaimana pasukan koalisi yang dipimpin oleh AS, bersiap dengan kapal perangnya, begitu juga Rusia yang juga sudah menyiapkan kapal perangnya yang masing-masing kini berada di perairan (laut lepas) Syria. Di samping itu, AS, NATO, Jerman dan Belanda telah pun menyiapkan peluru berpandu patriot masing-masing di perbatasan Turki dan Syria. Ditambah dengan pengkhianatan para penguasa dan juga ejen-ejen AS dan Britain di beberapa negara sekeliling Syria seperti Turki, Iran, Lebanon, Jordan, Qatar dan Arab Saudi, mungkinkah Khilafah yang baru berdiri di Syria nanti boleh bertahan dan dapat memenangi "Perang Salib" yang bakal berlaku?

Meski pun apa yang tercatat di sini (dari sudut tindakan yang bakal diambil oleh Khalifah) adalah bersifat andaian, namun kita yakin bahawa apa yang akan dilakukan oleh Khalifah kaum Muslimin saat itu jauh lebih hebat daripada gambaran yang dapat diberikan. Apa yang tertulis di sini hanyalah sekadar beberapa pembacaan terhadap situasi saat ini, terhadap karakter umat Islam di Syria dan terhadap sejarah mereka dan umat Islam di masa lalu yang boleh mempengaruhi perkembangan di Syria.

### Situasi Saat Ini

Lambat tetapi pasti, para pejuang (mujahidin) di Syria, dari pelbagai brigade, telah berhasil menguasai sebahagian besar wilayah Syria, sehingga semakin hari kekuasaan Bashar semakin terkucil dan semakin terdesak sehingga membuatkan si penyembelih manusia itu tidak boleh tidur nyenyak. Setiap detik, dia dan keluarganya terpaksa berfikir dan mencari tempat yang selamat untuk melelepkan mata. Keadaan ini tentunya bukan hanya dialami oleh Bashar, tetapi juga oleh AS dan sekutunya, termasuk para penguasa boneka di Timur Tengah. Inilah yang membuatkan AS dan sekutunya bekerja keras siang dan malam untuk menghalang revolusi di Syria, agar gagal mewujudkan cita-cita kaum Muslimin untuk menegakkan Khilafah di sana. Jika usaha mereka (Barat) ini gagal, maka AS dan sekutunya sudah menyiapkan satu senario "Perang Salib" yang terdiri daripada pasukan-pasukan koalisi dan ejen-ejen mereka di rantau tersebut.

Ketika ini, kapal induk AS, USS Eisenhower dilaporkan telah merapat ke perairan Syria, di Laut Mediterranean. Kapal perang AS itu membawa lapan skuadron jet tempur pengebom dan 8,000 tentera. Sauh kapal induk USS Eisenhower itu ketika ini sudah pun ditancapkan di laut Syria, bergabung dengan kapal perang USS Iwo Jima yang membawa 2,500 pasukan dengan kelengkapan perang penuh. Pengiriman kapal induk AS ini adalah rentetan dari keputusan NATO pada hari Selasa (4/12/2012) untuk menyebarkan sistem peluru berpandu Patriot di sepanjang perbatasan Turki dengan Syria [Islam Times, 6/12/2012]. Malah, jauh sebelum ini, pada Julai 2012, kapal perang Rusia sudah melakukan konvoi di perairan Syria [Kompas, 13/7/2012]. Rusia juga sebelum itu telah mengiriskan kapal induknya, Kuznetsov, ke Syria [Siberian Light, 29/11/2011]. Bahkan menurut Global Security, kapal selam kelas Sierra II berukuran panjang 110.5-112.7 meter dengan lebar 11.2-12.3 meter milik Rusia juga telah dikesan memasuki wilayah perairan Syria [CNN, 7/11/2012].

Apakah yang ditakuti oleh musuh-musuh Allah ini sehingga mereka telah mempersiapkan kesemua kelengkapan perang tersebut? Sekiranya mereka yakin bahawa mereka dapat menggantikan Bashar dengan ejen mereka yang lain untuk memerintah Syria, perlukah mereka mempersiapkan semua itu? Semuanya ini jelas-jelas menunjukkan ketakutan mereka yang luar biasa terhadap berdirinya sebuah negara baru dengan pemimpin yang baru di Syria di mana negara baru dan pemimpin yang baru itu tidak lagi akan berpihak kepada AS dan sekutunya. Apakah negara baru dan pemimpin baru itu? Tidak lain tidak bukan, ia adalah Negara Khilafah yang akan dipimpin

oleh seorang Khalifah! Inilah negara dan pemimpin yang amat ditakuti oleh AS dan musuh-musuh Islam yang lain. Jika AS gagal (dan semoga Allah menggagalkan mereka) untuk menghalang berdirinya Khilafah di Syria, maka mereka sudah siap untuk menggempur Khilafah yang baru berdiri itu dari segenap penjuru. Inilah perancangan mereka.

### Karakter Umat Islam

Kaum Muslimin di Syria tidak boleh dipisahkan dari induk kaum Muslimin di Syam secara keseluruhannya, kerana mereka adalah satu (Syam terdiri dari Syria, Palestin, Jordan dan Lebanon). Mereka disebut sebagai *Syam ar-Rasul* dan wilayahnya disebut sebagai *Safwa Biladillah*. Keteguhan mereka telah dinyatakan oleh Nabi SAW dalam hadis baginda, bahkan mereka telah dijamin dan dilindungi oleh Allah melalui lisan NabiNya. Nabi SAW bersabda, "*Iza fasada ahlu as-Syam la khaira fikum*" ("*Jika penduduk Syam telah rosak, maka tidak ada lagi kebaikan di tengah-tengah kalian*") [HR Ahmad, at-Tirmidzi dan Ibn Hibban].

Wilayah ini dahulunya dibebaskan oleh Abu Ubaidah al-Jarrah dan Khalid bin al-Walid pada tahun 14H (637M) di masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khatthab. Ia pernah menjadi ibukota Khilafah pada tahun 40-132H (661-750M). Dari sinilah, Muhammad bin al-Qasim at-Tsaqafi membebaskan India; Qutaibah bin Muslim al-Bahili membebaskan Samarkand; Thariq bin Ziyad dan Musa bin Nushair membebaskan Sepanyol; Syamlah bin Abdul Malik mengempung Konstantinopel; yang kesemuanya berlaku di era Khilafah Umayyah. Ketika Perang Salib, wilayah ini berhasil dikuasai oleh tentera Salib, kemudian berjaya dibebaskan kembali oleh pasukan Nuruddin az-Zinki dan Salahuddin al-Ayyubi yang seterusnya disatukan kembali ke dalam Daulah Khilafah. Di era Khilafah Utsmaniyyah, wilayah ini bergabung

## KONFERENS WANITA

### "MENYONGSONG PENEGAKAN SYARIAH DAN KHILAFAH"

Tarikh: 3 Mac 2013 (Ahad)

Tempat: Dewan Perdana 1, Hotel Nouvelle, KM8 Lebuhraya KL-Seremban, Seri Kembangan, Selangor (berhampiran Plaza Tol Sg. Besi)

Masa: 8.30 pagi - 1.00 ptg

[Maklumat lanjut hubungi : 017-3769610 Ustazah Rafidah]

= *Masuk Percuma, Muslimat (Sahaja) Dijemput Hadir* =

dengan Khilafah tahun 1516-1918M, hingga jatuh ke tangan Perancis tahun 1920M. Sejak itu hingga kini, wilayah Syam berada di bawah pemerintahan ejen Barat.

Keistimewaan penduduk Muslim Syria, sebagai sebahagian dari Ahlu Syam, yang dinyatakan dalam hadis Nabi di atas boleh dibuktikan dalam sejarah perjuangan rakyat Palestin, yang tidak pernah padam, sejak dimulainya pendudukan Israel tahun 1948 hinggalah saat ini. Kini, gambaran itu juga tampak pada perjuangan Mujahidin Syria, yang sudah hampir memasuki dua tahun kebangkitan mereka untuk menggulingkan rejim kufur Bashar al-Assad. Selain itu, darah para sahabat yang agung seperti Abu Ubaidah, Khalid bin al-Walid dan beberapa yang lain, termasuk darah panglima hebat, Shalahuddin al-Ayubi dan lain-lain, mengalir dalam diri kaum Muslimin Syria. Para pejuang di Syria dan Palestin sekarang ini adalah anak-cucu kepada Khalid bin al-Walid; anak-cucu kepada Abu Ubaidah al-Jarrah; anak-cucu kepada Salahuddin al-Ayyubi dan anak-cucu kepada para kesatria agung di masa lalu. Inilah sejarah agung mereka yang ditutupi oleh kejahatan rejim kufur yang memerintah mereka selama ini.

Oleh yang demikian, kaum Muslimin di Syria, sebagaimana di Palestin, Jordan dan Lebanon, mempunyai kekuatan dan potensi yang besar disebabkan janji daripada Rasulullah, disertai dengan darah para pahlawan hebat yang mengalir dalam tubuh-tubuh mereka. Potensi ini, ditambah dengan kekuatan iman dan ketakwaan dalam diri mereka, menjadi asas yang kukuh bagi Khilafah untuk berdiri di sana. Kerana itu, meski pun secara fizik dan material ketika ini, wilayah tersebut porak-peranda akibat perang, tetapi dengan potensi yang mereka miliki itu, kerosakan tersebut akan boleh dipulihkan dengan cepat *Insyallah* dan dengan izin Allah, kerosakan itu tidak akan sekali-kali menghalangi wilayah itu untuk menjadi ibu kota Khilafah, sebagaimana *bisyarah* (khabar gembira) yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW, "*Uqru dar al-Islam bi as-Syam*" ("*Pusat negara Islam itu di Syam*") [HR at-Thabrani].

### Strategi Khilafah Menghadapi Musuh

Dengan *bisyarah* dan potensi yang ada, tanpa menafikan yang Khilafah boleh sahaja tegak di tempat lain dengan izin Allah, sesungguhnya persyaratan dasar bagi tegaknya Khilafah di Syam sudah terpenuhi. Persoalannya kini, bagaimanakah Khilafah akan mempertahankan kekuasaannya dari serangan musuh-musuh yang kini sudah siap untuk melancarkan Perang Salib yang ke seterusnya di abad ini? Dari segi kedudukan geografi, AS, Rusia dan sekutunya telah meletakkan kapal induknya di perairan Syria yang berbatasan dengan Lebanon. Di sebelah Lebanon, ada Jordan dan di sebelahnya lagi ada Irak yang berbatasan dengan Turki. Dengan kedudukan seperti ini, kelihatan sulit untuk Khilafah melawan kekuatan AS, Rusia dan sekutunya itu secara bersendirian, terlebih lagi dengan kedudukan para penguasa wilayah-wilayah di sekelilingnya yang merupakan ejen AS dan British.

Sekiranya Khilafah tegak di Syria, maka Khalifah akan mengambil tindakan segera untuk menyatukan Jordan dan Lebanon terlebih dulu. Caranya adalah dengan memanfaatkan kekuatan dan pengaruh kaum Muslimin di kedua-dua wilayah tersebut. Hizbut Tahrir akan menggerakkan umat Islam berserta para tokoh dan aktivis (yang sebahagiannya sudah lama menginginkan Khilafah) dan menekan para penguasa di rantau tersebut untuk berbaiat kepada Khalifah dan seterusnya menggabungkan Jordan dan Lebanon ke dalam Khilafah serta merta. *Insyallah* dengan pertolongan dariNya, dengan kekuatan yang ada pada Hizbut Tahrir dan dukungan yang besar daripada umat Islam kepada Hizbut Tahrir, maka kedua-dua wilayah tersebut akan bergabung dengan Khilafah dengan cepat.

Ketika Syria, Jordan dan Lebanon berhasil disatukan, maka ini tentu akan memberi dampak yang besar kepada wilayah-wilayah yang berdekatan seperti Irak, Turki dan Mesir. Hizbut Tahrir yang bergerak di kesemua wilayah tersebut akan terus menggerakkan umat Islam dan menekankan kewajiban untuk bergabung ke dalam Daulah Khilafah. Tekanan yang tidak putus-putus akan diberikan kepada pemerintah agar berbaiat kepada Khalifah serta untuk menggabungkan wilayah yang berkenaan ke dalam Daulah Khilafah. Ketika ini, perhatian seluruh dunia sedang memusat kepada apa yang sedang berlaku yakni kepada Negara Khilafah yang baru wujud. Di saat yang sama juga, seluruh dunia sedang menyaksikan yang umat Islam sudah bergerak secara besar-besaran untuk bergabung dengan Khilafah. Seluruh dunia,

khususnya dunia Islam, sedang menyaksikan saudara-saudara mereka bangkit dan bergerak untuk bersatu di bawah kesatuan yang hak, yang diperintahkan oleh Allah dan RasulNya, yakni bergerak untuk bersatu di bawah satu pemerintahan dan satu bendera yakni bendera *La ilaha illallah Muhammad Rasulullah*.

Dalam keadaan ini, kaum Muslimin di negara-negara Arab yang lain pasti tidak akan duduk diam dengan tsunami politik yang melanda dunia ini, apatah lagi tatkala menyaksikan Amerika, British, Perancis, Rusia dan lain-lain sedang "menggempur" Khilafah. Mereka akan pasti bangkit dan bergerak. Malah wilayah yang agak jauh dari Syam seperti Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan Malaysia juga akan pasti terkesan. Apatah lagi ketika itu, Khalifah sendiri akan menyerukan kepada seluruh pemimpin Islam dan kepada kaum Muslimin di seluruh dunia untuk segera bergabung dengan Khilafah, dengan memberikan bai'at taat kepadanya. Khalifah akan menghantar delegasi-delegasi ke setiap negara kaum Muslimin untuk menerangkan kewajiban dari Allah dan RasulNya bahawa negara kaum Muslimin adalah satu, dan haram lagi berdosa untuk umat Islam berpecah belah kepada negara-negara yang berbeza atas dasar assabiyah dan wathaniyyah. Laporan berita dunia ketika itu akan menyiarkan apa yang dilakukan oleh umat Islam dan apa yang dilakukan oleh Khalifah dalam usaha beliau menyatukan umat Islam dan ia akan menjadi berita besar dunia yang tidak mampu untuk tidak dilihat atau didengar oleh sesiapa pun.

Oleh sebab umat ini adalah umat yang satu dan kehendak akan penyatuan telah sedia ada dalam tubuh umat, maka langsung tidak mustahil yang umat ini akan terus menyahut seruan penyatuan daripada Khalifah. Apatah lagi dengan kebencian umat Islam kepada pemimpin mereka yang zalim lagi korup sekarang ini, pemimpin yang sudah tidak lagi dikehendaki oleh umat, semua ini akan memudahkan lagi proses penyingkiran pemimpin ini dan penyatuan negara-negara kaum Muslimin ke dalam Negara Khilafah, *Insyallah*. Inilah ketakutan AS, Rusia dan sekutu-sekutu mereka di Syria, kerana tanda tegaknya Khilafah di bumi Syam itu sudah semakin kelihatan. Kerana itulah mereka sedang mempersiapkan segala kekuatan bagi menghadapi negara baru (Khilafah) ini yang bakal memberikan tentangan dan goncangan yang besar kepada mereka. Mereka cuba bersedia dari awal dengan harapan mereka dapat membendung kemunculan Khilafah dan jika mereka gagal, mereka terpaksa bersedia berhadapan dengan Khilafah. Buat masa sekarang, mereka masih berusaha mewujudkan ejen mereka, yang ditolak oleh para pejuang Islam di Syria. Justeru, mereka sedang melakukan persiapan bagi menghadapi Khilafah yang bakal muncul pada bila-bila masa sahaja sekarang.

Dalam keadaan sekarang, sebaik sahaja Khilafah berdiri di Syria, maka AS dan sekutunya akan melancarkan Perang Salib ke atas Khilafah. Mereka tidak boleh menunggu lebih lama kerana lebih lama mereka menunggu, Khilafah akan menjadi semakin kuat, apatah lagi apabila negara-negara kaum Muslimin yang lain bergabung dengan Khilafah. Justeru, tatkala berdirinya Khilafah, mereka akan terus menggempur Khilafah yang masih dalam keadaan lemah. Jika ini berlaku, hal ini merupakan pengulangan kepada peristiwa Perang Ahzab, di mana pasukan kaum Muslimin yang dipimpin oleh Nabi SAW saat itu dikepung oleh pasukan *ahzab* (koalisi) yang terdiri dari kafir Quraisy, Yahudi dan munafik. Persis sama seperti saat ini. AS, Rusia dan sekutunya seperti kafir Quraisy saat itu, sementara Yahudi (Israel) akan bersama mereka dan kaum Munafik yang tampak penonjolannya daripada para penguasa Muslim yang khianat saat ini, akan mengepung Khilafah dari pelbagai penjuru, sebagaimana Rasulullah dahulu dikepung.

Namun, satu perkara yang musuh-musuh Allah ini lupa ialah, walau sebesar dan sekuat mana sekali pun pasukan *ahzab* dahulu, ia telah dibinasakan oleh Allah dengan kebinasaan yang dahsyat, lalu Allah memberikan kemenangan kepada kaum Muslimin. Justeru, walau sebesar dan sekuat mana sekalipun musuh-musuh Allah seperti AS, Rusia dan sekutu serta ejen-ejen mereka dari kalangan penguasa Muslim yang khianat, dengan izin dan pertolongan Allah Azza Wa Jalla, sekali lagi koalisi mereka ini akan pasti dikalahkan oleh *ja'isy* (tentera) Muhammad SAW, tentera Khilafah Rasyidah 'ala Minhaj Nubuwwah yang kedua. Inilah janji Allah SWT, bahawa Dia akan memberikan kemenangan kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, di dunia dan di akhirat. Justeru, wahai kaum Muslimin! Bersedialah kalian untuk menggabungkan diri dan negara kalian dengan Daulah Khilafah yang akan berdiri tidak lama lagi *Insyallah*.